

BAB V**PERANAN PENSYARAH dan GURU PEMBIMBING****5.1 Pengenalan**

Latihan Mengajar (LM), merupakan program yang bertujuan memberikan pendedahan, pengalaman dan kemahiran mengajar di dalam situasi sebenar. Pensyarah pembimbing (PP) berperanan penting dalam usaha membentuk dan membimbing guru pelatih yang akan menempuh alam pendidikan yang sebenar. Mereka juga berperanan sebagai penyokong serta penghubung di antara pihak sekolah dengan guru pelatih. Selain itu, PP juga merupakan penilai kepada pencapaian dan prestasi guru pelatih. Sistem penilaian dan penggredan yang teratur akan melahirkan guru pelatih yang berketrampilan.

5.2 Matlamat Penyeliaan

Matlamat penyeliaan bertujuan memberikan bimbingan yang berterusan ke arah perkembangan nilai-nilai profesion perguruan. Di samping itu, unsur-unsur penilaian secara *developmental* ditekankan sepanjang tempoh LM.

5.3 Penyelaras Zon

Penyelaras Zon ialah seorang Pensyarah Pembimbing UTM yang dilantik oleh Fakulti Pendidikan untuk menyelaras tugas-tugas penyeliaan di zon yang ditentukan.

5.3.1 Tugas-tugas Penyelaras Zon

- 5.3.1 Penyelaras Zon bertanggungjawab terhadap kelancaran penyeliaan di zon masing-masing
- 5.3.2 Penyelaras Zon dikehendaki mengendalikan segala aktiviti yang berkaitan dengan LM di zon masing-masing iaitu :
- a. menguruskan bengkel/taklimat Guru Pembimbing
 - b. melaporkan kes khas seperti gagal, cemerlang dan masalah disiplin
 - c. mengadakan mesyuarat penyelarasan zon dengan PP sebelum tarikh Mesyuarat Penyelarasan LM Fakulti

- d. melaporkan perkembangan penyeliaan semasa di Mesyuarat Penyelaras LM di peringkat Fakulti
- e. Penyelaras Zon dikehendaki bertindak sebagai orang ketiga di dalam kes-kes ekstrim
- f. Penyelaras Zon dikehendaki menyelaraskan hal seperti perbezaan bimbingan, markah dan lain-lain yang bersangkutan dengan LM
- g. Penyelaras Zon juga dikehendaki :
 - i. mengurus markah penilaian Latihan Mengajar pada akhir sesi LM untuk diserahkan kepada Urusetia
 - ii. mengumpulkan semua borang tuntutan (saguhati)
 - iii. mengumpulkan borang laporan pengetua

5.4 Pensyarah Pembimbing

5.4.1 Pengenalan

Pensyarah Pembimbing terdiri daripada pensyarah atau tutor yang dilantik oleh Fakulti Pendidikan untuk menjalankan tugas penyeliaan LM.

5.4.2 Peranan Pensyarah Pembimbing

- a. Pensyarah Pembimbing berperanan memahami sistem dan proses pelaksanaan LM serta berusaha menjayakannya
- b. Membuat penilaian mengenai mutu pengajaran guru pelatih dengan berpandukan format yang ditetapkan sewaktu pengajaran
- c. Mengadakan hubungan baik dan mesra dengan pengetua dan semua yang terlibat dengan LM
- d. Pensyarah Pembimbing diharap dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih

5.4.3 Pentadbiran

- a. Menghadiri bengkel Pensyarah Pembimbing dan sesi taklimat pelajar dan mesyuarat Penyelaras Latihan Mengajar peringkat zon dan fakulti
- b. Membuat lawatan ke sekolah untuk berjumpa dan berbincang dengan pengetua dan Guru Pembimbing sebelum memulakan penyeliaan
- c. Berjumpa serta berbincang dengan guru pelatih tentang Latihan Mengajar
- d. Memaklumkan kemajuan guru pelatih dari semasa ke semasa kepada penyelaras zon
- e. Memaklumkan kes yang memerlukan perhatian khas kepada penyelaras zon untuk tindakan selanjutnya
- f. Mengemaskini dan menyimpan dokumen penilaian Latihan Mengajar (buku laporan penyelia dan maklumat peribadi pelajar yang berkaitan)
- g. Mengumpul borang penilaian/borang tuntutan guru pembimbing untuk diserahkan kepada penyelaras zon

5.4.4 Penyeliaan

- a. Mengadakan perjumpaan dengan guru pelatih sebelum bermulanya sesi Latihan Mengajar
- b. Memerhatikan sesi Latihan Mengajar dan mencatatkan kelemahan serta kekuatan guru pelatih dalam buku laporan penyeliaan selepas sesuatu pengajaran. Hasil catatan pencerapan hendaklah diserahkan kepada guru pelatih dan dibincangkan
- c. Memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berasaskan pencerapan klinikal bagi meningkatkan mutu pengajaran guru pelatih
- d. Membuat penilaian mengenai mutu pengajaran guru pelatih dengan berpandukan format yang telah ditetapkan

- e. Mematuhi kekerapan minimum penyeliaan untuk bilangan guru pelatih yang ditetapkan
- f. Mengawasi disiplin guru pelatih sepanjang tempoh Latihan Mengajar.
- g. Membimbing dan menilai guru pelatih di dalam menghasilkan projek Latihan Mengajar

5.4.5 Tatatertib Pensyarah Pembimbing

Pensyarah Pembimbing diamanahkan supaya menjaga nama baik UTM, sekolah dan mematuhi peraturan serta tatatertib profesion seperti yang termaktub di dalam Perintah Am. Sewaktu menjalankan tugas, beberapa perkara patut diambil berat oleh Pensyarah Pembimbing iaitu :-

- a. Melaksanakan bilangan penyeliaan seperti yang telah diputuskan oleh Fakulti
- b. Sekiranya tidak dapat melengkapkan bilangan penyeliaan seperti yang telah disyaratkan, sila laporkan kepada Penyelaras Zon dengan segera.
- c. Sila maklumkan kepada Jawatankuasa Latihan Praktik, secara bertulis sekiranya tidak dapat menjalankan tugas penyeliaan atas sebab-sebab rasmi atau mengalami masalah kesihatan
- d. Berjumpa dengan Pengetua dan memaklumkan tujuan pertemuan sebelum memulakan tugas penyeliaan di sekolah.
- e. Berpakaian kemas dan bertali leher, 'bush jacket' atau pakaian yang sesuai dengan tugas penyeliaan
- f. Berkomunikasi dengan bahasa yang bersopan-santun serta berkelakuan baik sepanjang masa

5.4.6 Panduan Khas Pensyarah Pembimbing

Semua pensyarah pembimbing dikehendaki membuat lawatan pertama ke sekolah pada minggu pertama bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan jadual serta penempatan guru pelatih

- a. Semua Pensyarah Pembimbing diminta memberikan maklumbalas awal Latihan Mengajar kepada Penyelaras Zon selewat-lewatnya pada akhir minggu kedua
- b. Pensyarah Pembimbing hendaklah membuat sekurang-kurangnya satu penyeliaan untuk setiap guru/kaunselor pelatih di dalam tempoh dua minggu pertama (sekiranya tiada halangan)
- c. Pensyarah Pembimbing dibenarkan membuat tuntutan perjalanan dan penginapan berdasarkan peraturan Pekeliling Perbendaharaan
- d. Pensyarah Pembimbing digalakkan tinggal di kawasan penyeliaan masing-masing agar mereka mudah dihubungi oleh guru pelatih sekiranya berlaku kecemasan atau masalah yang dihadapi oleh mereka
- e. Pensyarah Pembimbing hendaklah mengawasi dan membuat laporan secepat mungkin sekiranya berlaku sebarang pelanggaran peraturan Latihan Mengajar oleh guru pelatih kepada Penyelaras Zon

5.0 Guru Pembimbing

5.5.1 Pengenalan

Guru Pembimbing ialah guru sekolah yang dilantik oleh Fakulti Pendidikan UTM untuk menjalankan tugas bimbingan dan penyeliaan secara bersama.

5.5.2 Tugas Guru Pembimbing

Tugas Guru Pembimbing boleh dibahagikan berdasarkan kepada aspek berikut iaitu :

- a. Orientasi
- b. Pengajaran di dalam bilik darjah
- c. Penilaian
- d. Perkembangan profesional
- e. Kegiatan Ko-kurikulum

5.5.3 Orientasi

a. Peringkat Pertama

Peringkat ini cuba menjalinkan hubungan antara guru pelatih dengan guru pembimbing melalui perbincangan mengenai masalah yang akan dihadapi oleh mereka.

b. Peringkat Kedua

Peringkat ini guru pembimbing diharapkan dapat membantu guru pelatih memahami konsep sekolah dengan:

- i. membina dan meningkatkan hubungan dengan guru pelatih
- ii. menerima guru pelatih sebagai sebahagian daripada rakan sejawat
- iii. mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh guru pelatih
- iv. membudayakan guru pelatih dengan tanggungjawab, peraturan dan dasar institusi berkenaan
- v. membantu guru pelatih di dalam menyelesaikan masalah berkaitan kurikulum
- vi. menanamkan sifat menghormati warga sekolah

5.5.4 Pengajaran di dalam bilik darjah

Guru Pembimbing berperanan sebagai pembimbing, pendorong dan pengukuh dalam hal-hal berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dan seperti berikut :-

- a. memberi tunjuk ajar dalam merancang pengajaran
- b. membantu guru pelatih menulis persediaan pengajaran mengikut format yang telah ditetapkan
- c. membimbing guru pelatih menggunakan pelbagai pendekatan strategi dan kaedah pengajaran yang berkesan

- d. membimbing guru pelatih menerapkan nilai-nilai murni di dalam pengajaran
- e. membimbing cara penggunaan bahan bantu mengajar yang betul
- f. membimbing guru pelatih menguruskan bilik darjah
- g. menggalakkan guru pelatih membuat refleksi sendiri di dalam pengajaran
- h. menggalakkan guru pelatih menggunakan bahasa dan istilah yang betul
- i. meningkatkan keyakinan guru pelatih di dalam proses pengajaran dan pembelajaran
- j. Guru Pembimbing berperanan sebagai mentor
- k. Guru Pembimbing berperanan membentuk sahsiah guru pelatih supaya sesuai dengan profesion keguruan

5.5.5 Penilaian

Guru pembimbing dipertanggungjawabkan membuat penilaian mutu kerja guru pelatih. Antara tugas yang dilakukan ialah :-

- a. membincangkan strategi pengajaran sebelum pengajaran bermula
- b. memberikan input yang membina serta memberi cadangan untuk membantu guru pelatih meningkatkan mutu kerja mereka
- c. menilai aktiviti dan perkembangan kemajuan guru pelatih secara berterusan
- d. menilai berasaskan konsep penyeliaan klinikal

5.6 Perkembangan Profesional

Perkembangan profesional perguruan juga boleh dibentuk semasa latihan mengajar dijalankan. Aspek-aspek yang perlu ditekankan ialah:-

- a. Menggalakkan guru pelatih memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk membuat pembaharuan dan meningkatkan mutu kerja
- b. menasihati guru pelatih mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan
- c. membantu guru pelatih meningkatkan keperibadian dan iktisas keguruan

5.7 Kegiatan Ko-Kurikulum

Guru pembimbing juga diharap dapat membantu guru pelatih mengendalikan aktiviti bilik darjah. Antara perkara yang patut diberikan perhatian ialah :-

- a. Menerangkan peranan guru pelatih sewaktu kegiatan luar bilik darjah diadakan
- b. Membantu merancang dan melaksanakan kegiatan ko-kurikulum
- c. membantu menilai kegiatan ko-kurikulum
- d. membantu guru pelatih melaksanakan langkah-langkah keselamatan ketika kegiatan ini diadakan
- e. sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan guru pelatih semasa mengendalikan aktiviti luaran

5.8 Peranan Guru Pelatih

Guru Pelatih diwajibkan menjalani sepenuhnya program latihan Mengajar dalam tempoh pengajian sebagai sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan. Latihan Mengajar ialah tempoh masa yang diberikan untuk memberi peluang kepada guru pelatih memperoleh pengalaman dan mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari dalam situasi sebenar serta mengamalkan etika profesion perguruan.

5.8.3 Pengajaran, Penilaian dan Kegiatan Ko-kurikulum

- a. Guru pelatih dikehendaki mendapatkan nasihat daripada Pensyarah Pembimbing dan guru pembimbing tentang aktiviti yang melibatkan pengajaran
- b. Guru pelatih dikehendaki menyerahkan jadual waktu dan takwim sekolah kepada pensyarah pembimbing pelajar
- c. Guru pelatih juga dinasihatkan agar membantu serta menghormati serta membina hubungan yang baik supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar
- d. Guru pelatih juga hendaklah merancang, menulis serta memilih objektif pengajarannya supaya dapat diselia oleh pensyarah pembimbing atau guru pembimbing
- e. Guru pelatih hendaklah menjaga buku persediaan mengajar dengan baik dan sentiasa berada bersamanya
- f. Guru pelatih juga digalakkan menggunakan bahan bantu mengajar serta memilih cara pengajaran yang sesuai dengan pelajar yang dihadapinya
- g. Guru pelatih diwajibkan menyertai aktiviti ko-kurikulum atau aktiviti luar bilik darjah yang diadakan oleh pihak sekolah
- h. Guru pelatih diwajibkan menjaga dan mengambil kira aspek keselamatan terutamanya jika melibatkan pelajar semasa mengadakan aktiviti luar bilik darjah atau kegiatan ko-kurikulum
- i. Guru pelatih diminta untuk meminta nasihat serta panduan daripada guru pembimbing sebelum melakukan aktiviti atau membuat keputusan yang penting
- j. Guru pelatih tidak harus menimbulkan permasalahan peribadi ketika menjalani latihan mengajar
- k. Guru pelatih perlu mematuhi waktu rasmi persekolahan
- l. Guru pelatih diwajib menjalankan tugas serta tanggungjawab dengan penuh dedikasi jika diminta oleh pihak pentadbir sekolah

- m. Guru pelatih diminta menjaga bahan, alat atau perkakasan milik sekolah
- n. Guru pelatih diminta untuk mendapatkan nasihat daripada guru pembimbing berkaitan dengan masalah disiplin pelajar atau proses pengajaran dan pembelajaran
- o. Guru pelatih perlu memastikan mereka dapat diselia oleh guru pembimbing dan pensyarah pembimbing. Segala perubahan jadual waktu perlu dimaklumkan kepada pensyarah dan guru pembimbing
- p. Guru pelatih perlu melengkapkan dan menyerahkan borang prestasi Guru Pelatih kepada penyelia atau urusetia Latihan Mengajar

5.9 Penutup

Setiap pihak memainkan peranannya tersendiri yang perlu dipatuhi untuk menjayakan program latihan mengajar yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan. Penyelia perlu menguasai garis panduan yang disediakan supaya proses penyeliaan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.